

10 SEP 1999

APEC-MALAYSIA

MSIA PUAS HATI TIADA TARIKH PELANCARAN RUNDINGAN BARU WTO

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 10 Sept (Bernama) -- Malaysia berpuas hati kerana tiada tarikh telah ditetapkan boleh Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) untuk melancarkan pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Kata sepakat Apec untuk melancarkan pusingan baru tetapi tanpa keputusan mengenai masa bererti "kita boleh memutuskan untuk melancarnya selepas tahun 2000 dan bukan di Mesyuarat Peringkat Menteri WTO di Seattle pada November ini," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini di sini.

Katanya ekonomi-ekonomi membangun belum berdaya untuk menumpukan pada langkah-langkah WTO kerana sebahagian besar daripadanya, termasuk Malaysia, belum bersedia memandangkan krisis kewangan yang menyebabkan ekonomi-ekonomi mereka mudah dimusnahkan.

"Kita mempunyai bukti bahawa rakyat belum bersedia, oleh yang demikian, kita merasakan bahawa tidaklah wajar untuk melancar pusingan baru di Seattle," katanya pada sidang akhbar selepas berakhirnya mesyuarat dua hari peringkat menteri Apec.

Keputusan oleh Apec merupakan berita baik bagi negara-negara membangun yang sudah nyata mengalami tekanan dari ekonomi-ekonomi maju diketuai oleh Amerika Syarikat untuk bersetuju melancar pusingan baru rundingan perdagangan di Seattle.

Para menteri Apec yang mengeluarkan kenyataan bersama selepas mesyuarat ke 11 mereka kini akan menghandar perakuan-perakuan kepada para pemimpin mereka di sidang kemuncak pada hujung minggu ini mengenai bagaimanapun Apec boleh mengesahkan komitmennya untuk meluaskan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan menghadiri sidang kemuncak itu disebabkan jadual ketat di negara sendiri.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dijangka tiba di sini esok, akan muncul buat kali pertama di sidang kemuncak Apec ke tujuh sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Rafidah berkata satu lagi sebab mengapa sukar melancarkan pusingan baru pada November ini adalah kerana terdapat 145 cadangan untuk dimuatkan dalam agenda yang dibuat oleh anggota-anggota WTO dalam bidang berlainan dan isu yang berbeza, kesemuanya perlu dipertimbangkan dan dipersetujui.

Hakikatnya, 145 cadangan tidak boleh dibincangkan di mana-mana pusingan tetapi adalah perkara sukar kerana setiap negara akan berusaha agar cadangan mereka dibentangkan di meja rundingan, katanya.

Sesetengah cadangan ini, termasuklah penilaian kastam, perjanjian perdagangan serantau, subsidi, persaingan, katanya.

Mesyuarat peringkat menteri tahun ini telah dipengerusikan oleh Menteri Luar New Zealand Don McKinnon dan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dr Lockwood Smith.

-- BERNAMA

MR MA